

06 OCT 1997

Jerebu

JAS PULAU PINANG BEROPERASI SEHINGGA TENGAH MALAM AWASI JEREBU

PULAU PINANG, 6 Okt (Bernama) -- Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang akan dibuka sehingga pukul 12 tengah malam mulai hari ini bagi mengawasi keadaan jerebu yang kembali melanda negeri ini setelah cuaca dilaporkan baik beberapa hari lepas.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini berkata, Bilik Gerakan Negeri, yang ditutup beberapa hari lepas, akan dibuka kembali sekiranya keadaan jerebu bertambah buruk.

Walaupun bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di negeri ini tidak begitu buruk, kerajaan negeri dan JAS akan sentiasa mengawasi perkembangan ini, katanya pada persidangan berita di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini.

Bacaan IPU didapati kian meningkat di kawasan selatan tanah air dan kerajaan negeri akan mengatur tindakan secara berhati-hati terhadap kemungkinan keadaan bertambah buruk di negeri ini, katanya.

Bagaimanapun, beliau berharap keadaan itu tidak sampai ke tahap berjaga-jaga seperti yang diumumkan pada 27 Sept lepas apabila IPU mencecah 363.

Dua hari lepas, Koh mengumumkan penamatan tempoh "keadaan berjaga-jaga" berikutan keadaan jerebu pulih setelah arah tiupan angin berubah. Bagaimanapun, menurut laporan Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca jerebu dipercayai kembali semula kerana angin tenggara yang sebelum ini membawa jerebu dari Sumatera dan Kalimantan bertiup semula ke negara ini.

Setakat pukul 3 petang, bacaan IPU di Seberang Perai ialah 37.

Kualiti udara diklasifikasikan sebagai "Baik" jika paras indeks itu ialah 0-50, "Sederhana" 51-100, "Tidak Sihat" 101-200, "Sangat Tidak Menyihatkan" 201-300 dan "Berbahaya" 301-500.

Terdahulu itu, Koh, yang juga Pengerusi Barisan Nasional Negeri dan Naib Presiden Gerakan berkata, beliau memberikan sokongan penuh terhadap usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membangunkan negara terutamanya dalam bidang ekonomi.

Kerajaan negeri menyokong segala tindakan kerajaan pusat dalam usaha menstabilkan kedudukan ekonomi dan menyifatkan serangan beberapa akhbar dan wartawan asing terhadap Perdana Menteri sebagai tidak berasas, katanya.

Memang menjadi lumrah bahawa setiap usaha untuk kejayaan menghadapi masalah tetapi ia bukan alasan bagi negara mengubah haluan dan corak kepimpinannya, katanya. -- BERNAMA

ZU PR